

---

## SIARAN BERITA

# MyCC SEDANG MENELITI DAKWAAN PERLAKUAN KARTEL

**KUALA LUMPUR, 2 Januari 2014** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah membuat penelitian awal dakwaan mengenai perlakuan kartel untuk menaikkan harga ais dan juga bekalan alat tulis.

Langkah itu diambil berikutan pengumuman baru-baru ini melalui iklan di akhbar tempatan bertarikh 24 Disember 2013 tentang keputusan menaikkan harga ais tiub oleh beberapa pengeluar ais, yang menyatakan mulai dari Januari 2014 harga ais tiub boleh dimakan dinaikkan sebanyak 50 sen setiap beg dan RM2.50 setiap blok ais. Persekutuan Pertubuhan Penjual Alat Tulis dan Buku Malaysia juga telah mengumumkan kenaikan harga alat tulis berikutan kenyataan presiden persatuan tersebut seperti yang dilaporkan pada 27 Disember 2013 untuk menaikkan harga alat tulis pada suku pertama tahun 2014.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan juga telah menyeru MyCC untuk meneliti kemungkinan tingkah laku kartel oleh Persekutuan Pertubuhan Penjual Alat Tulis dan Buku Malaysia.

“Kenaikan harga bukanlah suatu perlakuan anti-persaingan tetapi jika kenaikan harga tersebut merupakan hasil daripada perjanjian untuk menetap harga oleh mana-mana persatuan atau kumpulan penjual, pembekal atau pengeluar, perlakuan tersebut dianggap pelanggaran Seksyen 4 Akta Persaingan 2010,” kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj. Tambahnya lagi, MyCC telah memberikan mesej yang tegas kepada persatuan-persatuan dalam beberapa bulan yang lepas untuk menghentikan

---

perlakuan pakatan sulit mahupun penetapan harga, tetapi tingkah laku persatuan-persatuan yang semakin berleluasa baru-baru ini telah memberi MyCC tiada pilihan tetapi mengambil langkah untuk menghentikan tingkah laku sedemikian. Jika perusahaan ingin menaikkan harga oleh kerana faktor kos yang semakin meningkat, ianya patut dilakukan secara bebas serta tidak terikat kepada apa-apa perjanjian.

Mana-mana persatuan atau kumpulan yang berpakat untuk menaikkan harga merupakan salah laku yang serius di sisi undang-undang. Penalti maksimum sebanyak 10% perolehan boleh dikenakan jika didapati melanggar akta tersebut.

Walaupun MyCC tidak berperanan mengawal atau memantau kenaikan harga tetapi jika kenaikan harga tersebut merupakan hasil daripada perjanjian untuk menetap harga oleh mana-mana persatuan atau kumpulan penjual, pembekal atau pengeluar, perlakuan tersebut dianggap pelanggaran Seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 melarang perusahaan, termasuk persatuan, dari menetapkan, secara langsung atau secara tidak langsung suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain untuk barang-barang dan perkhidmatan.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan mana-mana persatuan dan perusahaan perniagaan yang melibatkan diri dalam amalan penetapan harga atau berkelakuan seperti kartel boleh menghubungi MyCC di 03-22732277 atau melalui e-mel di [complaints@mycc.gov.my](mailto:complaints@mycc.gov.my).

Untuk maklumat lanjut tentang MyCC dan Akta Persaingan 2010, sila rujuk laman web MyCC di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) .

---tamat---

---

## NOTA PENGARANG:

Butiran mengenai Seksyen 4 (1) dan (2) Akta Persaingan 2010: \*Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang adalah seperti berikut:

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.
  - (2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—
    - (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
    - (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
    - (c) membataskan atau mengawal—
      - (i) pengeluaran;
      - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
      - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
      - (iv) pelaburan; atau
    - (d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

\*“Perjanjian mendatar” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran; “Perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).